

**KRITERIA GERAN PADANAN UTM
(UTM MG)
(BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 31Julai 2023

Muka surat 1 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Pengenalan	<p>A. Terdapat 3 jenis Geran Padanan (UTM MG):</p> <p class="list-item-l1">i) Geran Padanan 1: Dana kolaborator ke UTM dan Dana UTM ke UTM (MG1)</p> <p>Geran Padanan 1 UTM (MG1) ialah geran penyelidikan daripada dana dalaman UTM kepada penyelidik dan akan diberikan sebagai geran berasingan, sama ada untuk menyokong sebahagian daripada kos projek atau kerja pelengkap kepada projek dan keperluan MG mestilah dinyatakan di dalam surat tawaran atau MOA.</p> <p>Penyelidik yang menerima geran penyelidikan daripada penaja luar, dan berminat untuk memohon Geran Padanan 1 UTM ini hendaklah menghantar permohonan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) secara atas talian di laman web RADIS. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syor panel dan status kewangan UTM.</p> <p class="list-item-l1">ii) Geran Padanan 2: Dana kolaborator ke kolaborator / KP luar UTM dan Dana UTM ke UTM (MG2)</p> <p>Geran Padanan 2 UTM (MG2) ialah geran penyelidikan daripada dana dalaman UTM kepada penyelidik, sama ada untuk menyokong sebahagian daripada kos projek atau kerja pelengkap kepada projek dan keperluan MG mestilah dinyatakan di dalam surat tawaran atau MOA.</p> <p>Penyelidik yang menerima geran penyelidikan daripada IPT/agensi kerajaan dalam dan luar negara SAHAJA, yang mana dana penaja tidak disalurkan ke UTM dan berminat untuk memohon Geran Padanan 2 UTM ini hendaklah menghantar permohonan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) secara atas talian di laman web RADIS. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syor panel dan status kewangan UTM.</p> <p class="list-item-l1">iii) Geran Padanan 3: Dana kolaborator ke UTM dan Dana UTM ke kolaborator (MG3) dengan kelulusan</p> <p>Geran Padanan 3 UTM (MG3) ialah geran penyelidikan daripada dana dalaman UTM kepada penyelidik dan akan diberikan sebagai geran berasingan, sama ada untuk menyokong sebahagian daripada kos projek atau kerja pelengkap kepada projek dan keperluan MG mestilah dinyatakan di dalam surat tawaran atau MOA.</p> <p>Penyelidik yang menerima geran penyelidikan daripada swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa, yang mana penaja memerlukan dana padanan UTM disalurkan kepada penaja dan berminat untuk memohon Geran Padanan 3 UTM ini hendaklah menghantar permohonan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) secara atas talian di laman web RADIS. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syor panel dan status kewangan UTM.</p> <p>MG3 ini boleh digunakan bagi program khas dengan kelulusan JKPGP.</p> <p>B. Grant type (RADIS)</p> <p class="list-item-l1">i) OTHERS-MG: Dana yang diterima daripada pihak swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa</p> <p class="list-item-l1">ii) Matching Grant: Dana yang diberikan oleh UTM</p>

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	KRITERIA GERAN PADANAN UTM (UTM MG) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)	Semakan: Tarikh Pindaan: 31Julai 2023 Muka surat 2 Daripada 7
---	--	--

BIL	PERKARA	KETERANGAN
2.	Objektif	Geran ini diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan penyelidik menjalinkan kerjasama dan menjalankan penyelidikan secara kolaboratif dengan pihak swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa, dan seterusnya mendapatkan geran penyelidikan daripada mereka. Ini adalah peluang kepada penyelidik untuk menjalin rangkaian dengan industri dan rakan kongsi antarabangsa.
3.	Syarat Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyelidik MESTILAH bukan staf akademik yang disenarai hitam oleh universiti. 2. Telah menyelesaikan dan menghantar laporan akhir bagi projek yang telah tamat. 3. Permohonan geran perlu disertakan bersama Letter of Award yang menyatakan keperluan UTM MG. 4. Telah berjaya memperoleh geran penyelidikan swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa, dalam bentuk tunai yang akan didaftarkan di RADIS (<i>Grant type: OTHERS-MG</i>). 5. Penyelidik boleh memohon geran UTM MG sekali sahaja untuk setiap projek yang dibiayai. 6. Ketua Penyelidik warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama. 7. Bagi Ketua Penyelidik bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama. 8. Setiap projek mesti terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM daripada bidang penyelidikan yang berkaitan. 9. Seorang staf akademik hanya boleh mengemukakan satu permohonan UTM MG daripada penaja yang sama dalam satu masa 10. Pemohon perlu memuatnaik kedua-dua kertas cadangan (<i>proposal</i>) di dalam akaun (<i>class</i>) Turnitin yang disediakan dan laporan yang telah dijana perlu dilampirkan dalam sistem RADIS semasa penghantaran permohonan.
4.	Kriteria Permohonan	Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM: <ol style="list-style-type: none"> 1) Biomedical and Healthcare Engineering 2) Natural Product, Biorefinery and Biotechnology 3) Sustainable and Resilient Urbanisation 4) Smart Mobility 5) Next Generation Systems and Networks 6) Smart Living and Sustainable Cities 7) Energy Security 8) Water Security 9) Smart Manufacturing and Materials
5.	Tempoh Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh pelaksanaan projek adalah mengikut tempoh kategori geran swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa. • Bagi staf kontrak, tempoh pelaksanaan projek mestilah tidak melebihi tempoh perkhidmatan lantikan kontrak

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	KRITERIA GERAN PADANAN UTM (UTM MG) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)	Semakan: Tarikh Pindaan: 31Julai 2023 Muka surat 3 Daripada 7
---	--	--

BIL	PERKARA	KETERANGAN												
6.	Peruntukan Geran Padanan	<p>1. Pemberian peruntukan geran padanan ini bergantung kepada kemampuan dan kedudukan kewangan Universiti.</p> <p>2. Jika peruntukan OTHERS-MG dilakukan secara berkala (cth. tahunan/kemajuan), pengeluaran peruntukan UTM MG yang diluluskan akan diperoratakan sewajarnya berdasarkan jumlah sebenar yang diterima.</p>												
7.	Peraturan Kewangan	<p>Perbelanjaan projek bagi UTM MG yang dibenarkan adalah yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. Setiap penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut:</p> <p>V11000 (upah/gaji/elaun)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melantik Pembantu Penyelidik (RO/ARO/RA) atau Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP GRA / SLPP SRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh RMC, UTM • Elaun pembantu penyelidik – SLPP GRA Kadar elaun: Master : RM 1,800 - RM 2,000 PhD : RM 2,300 - RM 2,500 • Gaji lantikan pembantu penyelidik – RA Kadar Gaji: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left;">Kelayakan</th><th style="text-align: left;">Tangga Gaji (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>SPM</td><td>1,352.00 – 2,706.00</td></tr> <tr> <td>STPM / Diploma</td><td>1,493.00 – 3,327.00</td></tr> <tr> <td>Ijazah Sarjana Muda</td><td>2,080.00 – 3,551.00</td></tr> <tr> <td>Sarjana</td><td>2,330.00 – 5,118.00</td></tr> <tr> <td>PhD</td><td>2,370.00 – 5,750.00</td></tr> </tbody> </table> <p>V21000 (perjalanan & pengangkutan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan. • Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan projek. • Perjalanan ke luar negara dibenarkan hanya sekali sahaja tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik (RA) dan pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja menggunakan peruntukan geran ini. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan adalah bagi menghadiri persidangan untuk membentangkan kertas kerja penuh secara lisan yang akan menerbitkan artikel penuh terindeks SCOPUS atau WoS sahaja. <p>V24000 (sewaan / perhubungan dan utiliti)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. 	Kelayakan	Tangga Gaji (RM)	SPM	1,352.00 – 2,706.00	STPM / Diploma	1,493.00 – 3,327.00	Ijazah Sarjana Muda	2,080.00 – 3,551.00	Sarjana	2,330.00 – 5,118.00	PhD	2,370.00 – 5,750.00
Kelayakan	Tangga Gaji (RM)													
SPM	1,352.00 – 2,706.00													
STPM / Diploma	1,493.00 – 3,327.00													
Ijazah Sarjana Muda	2,080.00 – 3,551.00													
Sarjana	2,330.00 – 5,118.00													
PhD	2,370.00 – 5,750.00													

 UTM <small>UNIVERSITATI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	KRITERIA GERAN PADANAN UTM (UTM MG) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)	Semakan: Tarikh Pindaan: 31Julai 2023 Muka surat 4 Daripada 7
---	--	--

BIL	PERKARA	KETERANGAN
		<p>V27000 (bekalan & bahan penyelidikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. <p>V28000 (penyelenggaraan dan ubah suai)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. • Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini. <p>V29000 (perkhidmatan ikhtisas)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. • Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan. • Pembentangan secara maya bagi persidangan luar negara terhad kepada seorang GRA sahaja jika terdapat keperluan. <p>V35000(peralatan dan aksesori)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan • Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan projek. • Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit / komputer / komputer riba / mesin pencetak dan seumpamanya) adalah tidak dibenarkan.
		<p>Kawalan Peruntukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dibenarkan membuat pindaan keluar daripada vot 11000 • Tidak dibenarkan membuat pindaan masuk ke dalam vot 21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data seperti Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh • Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan. • Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan

 UTM <small>UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA</small>	KRITERIA GERAN PADANAN UTM (UTM MG) (BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)	Semakan: Tarikh Pindaan: 31Julai 2023 Muka surat 5 Daripada 7
---	--	--

BIL	PERKARA	KETERANGAN																				
8.	Output Penyelidikan	<p>Output penyelidikan projek adalah (UTM MG):</p> <p>PENERBITAN:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Julat geran</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">KPI penerbitan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 2px;">Setiap RM40,000</td> <td style="padding: 2px;">Menghasilkan penerbitan satu (1) Q1</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Setiap RM30,000 hingga RM39,999</td> <td style="padding: 2px;">Menghasilkan penerbitan satu (1) Q2</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Setiap RM20,000 hingga RM29,999</td> <td style="padding: 2px;">Menghasilkan penerbitan satu (1) Q3/Q4</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Setiap kurang dari RM19,999</td> <td style="padding: 2px;">Menghasilkan penerbitan satu (1) Scopus</td> </tr> </tbody> </table> <p>Contoh:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: left; padding: 2px;">Kelulusan geran</th> <th style="text-align: left; padding: 2px;">KPI penerbitan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 2px;">RM70,000</td> <td style="padding: 2px;">(1) Q1 dan (1) Q2</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">RM170,000</td> <td style="padding: 2px;">(4) Q1 dan (1) Scopus</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">RM20,000</td> <td style="padding: 2px;">(1) Q3/Q4</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">RM42,000</td> <td style="padding: 2px;">(1) Q1 dan (1) Scopus</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> • Penghargaan kepada geran UTM MG, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut: Universiti Teknologi Malaysia, UTM MG, serta no rujukan geran/no. cost center • Penghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja. • Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang melibatkan penulis bersama dari kalangan pihak kolaborator luar adalah amat digalakkan <p>SURAT / MEMORANDUM PERJANJIAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Satu (1) <i>Letter of Agreement / MoA</i> <p>PENGLIBATAN / PENGANJURAN PROGRAM CSR:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Digalakkan satu (1) bagi penglibatan/ penganjuran program CSR bersama komuniti. <p>IP/ hakmilik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penetapan output IP termasuk hakmilik adalah bergantung kepada perbincangan awal pihak penaja dan penyelidik dan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen MOA/proposal 	Julat geran	KPI penerbitan	Setiap RM40,000	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q1	Setiap RM30,000 hingga RM39,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q2	Setiap RM20,000 hingga RM29,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q3/Q4	Setiap kurang dari RM19,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Scopus	Kelulusan geran	KPI penerbitan	RM70,000	(1) Q1 dan (1) Q2	RM170,000	(4) Q1 dan (1) Scopus	RM20,000	(1) Q3/Q4	RM42,000	(1) Q1 dan (1) Scopus
Julat geran	KPI penerbitan																					
Setiap RM40,000	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q1																					
Setiap RM30,000 hingga RM39,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q2																					
Setiap RM20,000 hingga RM29,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Q3/Q4																					
Setiap kurang dari RM19,999	Menghasilkan penerbitan satu (1) Scopus																					
Kelulusan geran	KPI penerbitan																					
RM70,000	(1) Q1 dan (1) Q2																					
RM170,000	(4) Q1 dan (1) Scopus																					
RM20,000	(1) Q3/Q4																					
RM42,000	(1) Q1 dan (1) Scopus																					
9.	Proses Permohonan	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan bagi UTM MG mestilah diisi secara atas talian di https://radis.utm.my • Pilih <i>Type of Grant</i>: OTHERS-MG (MG1 & MG3); Matching Grant (MG2) 																				
10.	Penilaian Proposal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan <i>niche proposal</i>. 2. Proposal mestilah mantap, boleh dilaksanakan secara teknikal dengan pencapaian yang boleh dicapai, dan mempunyai potensi untuk pembangunan selanjutnya. 3. Kecekapan penyelidikan: Pasukan penyelidik mesti mempunyai rekod prestasi yang baik untuk berjaya menjalankan penyelidikan sehingga selesai dengan hasil yang jelas. 																				

**KRITERIA GERAN PADANAN UTM
(UTM MG)**
(BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)

Semakan:

Tarikh Pindaan: 31Julai 2023

Muka surat 6 Daripada 7

BIL	PERKARA	KETERANGAN
11.	Keputusan	<ul style="list-style-type: none"> Keputusan penilaian dan pemilihan <i>proposal</i> akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Geran Penyelidikan (JKPGP). Nilai peruntukan geran padanan bergantung kepada kelulusan JKPGP. Keputusan yang diumumkan adalah MUKTAMAD.
12.	Pemantauan Projek	<ul style="list-style-type: none"> Pemantauan UTM MG dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan UTM MG sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan. Peruntukan geran yang telah diluluskan akan diagihkan mengikut tahun selepas geran penyelidikan di aktifkan Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Prestasi projek; dan (b) Prestasi kewangan; dan Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPGP, projek akan: <ul style="list-style-type: none"> (a) SUSPENDED <ul style="list-style-type: none"> - Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan (b) TERMINATED <ul style="list-style-type: none"> - Jika tidak diaktifkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh makluman kelulusan. - Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan.
13.	Penutupan/ Penamatan Geran	<ul style="list-style-type: none"> Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat geran penyelidikan. Semua penyelidik perlu menghantar fail <i>Online Claim</i> selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen. Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC. Kegagalan menghantar fail <i>Online Claim</i> dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang. Ketua Projek boleh di senarai hitam sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.

**KRITERIA GERAN PADANAN UTM
(UTM MG)
(BAHAGIAN: PENGURUSAN PROJEK)**

Semakan:

Tarikh Pindaan: 31Julai 2023

Muka surat 7 Daripada 7

Carta alir permohonan Geran Padanan:

